



مجلس بنداراي قتاليج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (12)

Tarikh: 15 Mac 2023

NOTIS PENUTUPAN PEMBAHAGI JALAN MELIBATKAN PERSIMPANGAN EMPAT LAMPU ISYARAT (FLAT PKNS TAMAN SERI SUBANG) DI JALAN PJS 8/9 DAN JALAN PJS 8/10, PJS 8, BAGI TUJUAN KAJIAN ALIRAN TRAFIK.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan melaksanakan penutupan pembahagi jalan di persimpangan empat lampu isyarat (Flat PKNS Taman Seri Subang) di Jalan PJS 8/9 dan Jalan PJS 8/10, PJS 8, Petaling Jaya bagi tujuan kajian aliran trafik di persimpangan jalan tersebut.

Untuk makluman, kenderaan keluar dari arah Flat PKNS Taman Seri Subang di benarkan belok ke kiri untuk ke Lebuhraya NPE dan lot-lot kedai di Jalan PJS 8/10 dan PJS 8/11.

Tempoh percubaan kajian aliran trafik ini akan berjalan selama tiga bulan bermula 01 April 2023 hingga 01 Julai 2023. Sekiranya aliran trafik berjalan lancar dan tiada bantahan penduduk maka ia akan dilaksanakan secara kekal. Para pemandu dinasihatkan supaya memandu berhati-hati dan mematuhi papantanda isyarat yang disediakan di lokasi.

Sebarang Pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi Unit Lalulintas, Jabatan Kejuruteraan MBPJ di talian 03-79584221 atau email jabatankejuruteraan@mbpj.gov.my

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695





مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (13)

Tarikh: 16 Mac 2023

MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN SUKAN MBPJ 2022

16 Mac 2023 – Jabatan Pembangunan Masyarakat MBPJ telah menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan MBPJ 2023. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Mohamad Azhan bin Md Amir, Datuk Bandar Petaling Jaya.

Objektif utama majlis ini adalah untuk meraikan semua kakitangan Majlis, peserta program, pegawai serta pengurusan tertinggi yang terlibat secara langsung dalam bidang sukan dan telah mengharumkan nama Majlis dengan memperoleh kemenangan di kejohanan-kejohanan sukan yang besar seperti SUKANUN, MALA, MAKSAK dan kejohanan lain yang melibatkan PBT.

Di majlis ini juga beberapa anugerah telah disampaikan bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada atlet-atlet dalam kalangan warga kerja MBPJ yang telah memberikan sumbangan yang bermakna berdasarkan kategori-kategori seperti berikut :-

1. Anugerah Kecemerlangan Sukan MBPJ : Pengurusan Pasukan Elit Terbaik
2. Anugerah Kecemerlangan Sukan MBPJ : Pengurusan Pasukan Program Pembangunan Remaja Terbaik
3. Anugerah Kecemerlangan Sukan MBPJ : Anugerah Penghargaan Khas Sukan MBPJ
4. Anugerah Kecemerlangan Sukan MBPJ : Olahragawan dan Olahragawati Harapan MBPJ

Di samping itu, MBPJ telah berjaya meraih beberapa siri kejayaan besar pada tahun 2023 dan tahun sebelumnya dalam pelbagai acara sukan yang dipertandingkan. Yang terbaru, pasukan MBPJ telah berjaya menjuarai Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) tahun 2022.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695





مجلس بنداراي قتاليج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (14)

Tarikh: 17 Mac 2023

MAJLIS PELANCARAN GERAN KOMUNITI UNTUK PETALING JAYA MAMPAN 5.0

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melancarkan Geran Komuniti Untuk Petaling Jaya Mampan 5.0. Geran itu juga dikenali sebagai PJ S.E.E.D 5.0 (*Petaling Jaya Social, Environment & Economy Development*). Geran ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Mohamad Azhan bin Md Amir, Datuk Bandar Petaling Jaya.

Pelancaran geran ini merupakan inisiatif MBPJ untuk menjemput organisasi dikalangan masyarakat seperti Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, Badan Pengurusan Bersama, Perbadanan Bersama, Persatuan Ibu Bapa & Guru, Institusi Pengajian Tinggi Awam & Swasta, Tempat Ibadat, Badan/Organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar dan diperakui oleh Majlis untuk merancang dan melaksanakan projek atau inisiatif yang akan membantu Majlis meningkatkan prestasi dalam 10 thematic yang telah ditetapkan. Bidang yang dimaksudkan adalah Low Carbon City, Circular Economy City, Safe And Resilient City, Inclusive City, Child Friendly City, Learning City, Economically Vibrant City, Society 5.0 City, Smart City & E-Governance City yang boleh dipohon.

Objektif Geran adalah untuk meningkatkan prestasi MBPJ dalam 10 thematic berkaitan menerusi penyertaan masyarakat, rakan perkongsian dan inklusif ke arah Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan menjelang 2030. Dalam erti kata lain, memberikan bantuan kewangan permulaan kepada masyarakat untuk mengesyorkan dan melaksanakan inisiatif yang akan membantu meningkatkan program, strategi dan hala tuju Majlis dalam bidang yang telah digariskan. Organisasi yang berminat untuk membantu meningkatkan prestasi MBPJ dalam pembangunan mampan Petaling Jaya khususnya pencapaian Sustainable Development Goal (SDG 2030) adalah



dialu-alukan untuk mengemukakan permohonan sebelum atau pada 30 Jun 2023.

Majlis berharap inisiatif yang dilaksanakan ini akan mendapat sambutan dan penglibatan daripada masyarakat setempat agar objektif yang dirancang dapat dilaksanakan serta memberi manfaat kepada semua pihak. Untuk makluman, Geran Komuniti PJ SEED telah dilancarkan sejak 4 tahun yang lepas dan MBPJ telah meluluskan sebanyak 113 projek dengan peruntukan berjumlah RM1.9 juta telah diberikan kepada organisasi terpilih dan layak sejak geran tersebut diperkenalkan.

Untuk makluman, hanya projek dalam bidang berkaitan dengan tujuan meningkatkan prestasi MBPJ saja layak untuk mendapat bantuan geran. Projek yang dicadangkan mestilah mempromosikan dan mencapai objektif yang disasarkan sama ada di peringkat komuniti ataupun bandar raya Petaling Jaya.

Bantuan geran minima adalah sebanyak RM 5,000 dan maksima adalah sebanyak RM 50,000 untuk satu projek. Amaun geran yang diberikan adalah berdasarkan kepada penilaian teknikal dan keperluan semasa. Projek yang akan diberikan keutamaan adalah projek-projek yang meliputi skop am seperti berikut:

- a) Pengurangan sumber atau penggunaan semula sumber sama ada dalam bentuk asal atau pun baru ;
- b) Penjimatan masa dan tenaga ;
- c) Mengurangkan impak negatif ;
- d) Kreatif ; dan
- e) Projek mampu dan boleh di replikasi di kawasan lain.

Majlis berharap menerusi inisiatif yang dilaksanakan ini akan mendapat sambutan dan penglibatan daripada masyarakat setempat agar objektif yang dirancang dapat dilaksanakan serta memberi manfaat kepada semua pihak.

Borang permohonan boleh dimuat turun bermula pada 17 Mac 2023 di laman sesawang rasmi Majlis www.mbpj.gov.my atau mendapatkannya di kaunter

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ di Tingkat 20, Menara MBPJ. Tarikh tutup permohonan adalah pada 30 Jun 2023.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi urusetia Geran Komuniti Untuk Petaling Jaya Mampan di talian 03-7954 1440 atau email: gerankomuniti@mbpj.gov.my atau layari laman sosial Majlis (Facebook: [@petalingjayacitycouncil](https://www.facebook.com/petalingjayacitycouncil), Twitter & Instagram: [@pjcitycouncil](https://www.instagram.com/pjcitycouncil)).

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (15)

Tarikh: 19 Mac 2023

SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2023 PERINGKAT PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan Sambutan Hari Landskap Negara 2023 peringkat Petaling Jaya dengan kerjasama Malaysian Independent Living Association For the Disabled (MILAD) dan Majlis Tindakan OKU Selangor (MTOS). Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Mohamad Azhan bin Md Amir, Datuk Bandar Petaling Jaya.

Penganjuran Hari Landskap Negara 2023 peringkat Petaling Jaya ini adalah bagi menyokong Sambutan Hari Landskap Negara yang telah ditetapkan pada 3 Mac setiap tahun. Program Sambutan Hari Landskap ini bagi mendukung salah satu thematik dalam Petaling Jaya Smart, Sustainable and Resilient 2030 (PJSSR 2030) iaitu Inclusive City.

Sambutan ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang awam tentang kepentingan keterangkuman (inclusivity) dalam reka bentuk landskap, memperkukuh jalinan kerjasama antara MBPJ sebagai agensi kerajaan dengan agensi-agensi bukan kerajaan (NGO) terutamanya NGO bagi golongan OKU dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif ke arah pembangunan bandar Petaling Jaya sebagai bandaraya yang lestari.

Dalam pada itu, penganjuran program ini turut memberikan peluang kepada masyarakat awam termasuk golongan OKU untuk melakukan aktiviti komuniti bersama keluarga. Antara aktiviti yang diadakan bersempena Sambutan Hari Landskap Negara 2023 peringkat Petaling Jaya ialah:-

- Aktiviti Zumba
- Jualan anak pokok dan bahan pertanian daripada Jabatan Pertanian Negeri Selangor
- Pameran S.I.S.A dan jualan barangan terpakai daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ

- Pameran kesihatan awam dan pemeriksaan kesihatan percuma daripada Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran MBPJ
- Ceramah kesedaran *accessibility awareness*
- Pertandingan Treasure Hunt
- Pertandingan akhir karaoke MILAD
- Pameran / perkhidmatan OKU daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat MBPJ
- Pameran / demonstrasi masakan
- Golongan sasaran – kanak-kanak
- Petting Zoo & Pony Ride

Majlis berharap menerusi program ini, masyarakat akan menyokong usaha Majlis dalam merealisasikan Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan menjelang 2030 dengan mewujudkan persekitaran landskap yang lebih inklusif untuk semua pihak.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (17)

Tarikh: 20 Mac 2023

MBPJ, PUSAT DARAH NEGARA ANJUR KEMPEN DERMA DARAH

Buat julung kalinya Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan kerjasama Pusat Darah Negara telah mengadakan Kempen Derma Darah MBPJ "Derma Darah, Amalan Mulia" bertempat di Ibu Pejabat MBPJ.

Penganjuran kempen derma darah ini adalah seiring dan bertepatan dengan matlamat majlis sebagai sebuah bandaraya pintar, mampan dan berdaya tahan @pjssr2030 yang sentiasa prihatin dan mengambil tanggungjawab mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian komuniti di Petaling Jaya dengan melaksanakan program-program kebajikan dan perkhidmatan secara percuma.

Kempen derma darah ini merupakan inisiatif yang boleh menyelamatkan nyawa khususnya untuk kes kemalangan, kes obstetrik, thalasemia, leukemia, penyakit kanser dan juga prosedur pembedahan. Rawatan bagi penyakit-penyakit sebegini sering kali memerlukan transfusi darah yang kerap untuk menstabilkan keadaan mereka.

Sumbangan dan keprihatinan daripada orang awam untuk menderma darah amatlah penting untuk memastikan tabung darah negara sentiasa mencukupi dan boleh menampung keperluan dan permintaan yang tinggi.

Pusat darah negara sering mengalami masalah kekurangan bekalan darah apabila menjelang musim ramadhan atau musim perayaan kerana ramai yang tidak menderma. Menyedari tentang hakikat ini, majlis mengambil inisiatif untuk menganjurkan kempen derma darah pada musim awal ramadhan, dengan hasrat memberikan sokongan dan sumbangan kepada tabung darah negara sebelum bulan ramadhan yang akan disambut dalam masa 2 hari lagi.

Di peringkat majlis sahaja menunjukkan sebanyak 70.3% kakitangan majlis pernah menderma darah dan ada sebilangan kakitangan juga merupakan penderma darah kerap. Masih ramai lagi yang mempunyai persepsi negatif terhadap pendermaan darah dan ada yang beranggapan menderma darah boleh meninggalkan kesan sampingan kepada fizikal seperti rasa tidak selesa dan lemah badan.

Persepsi sedemikian harus berubah. amalan menderma darah perlu dilihat sebagai satu amalan yang sihat dan mulia. Selain daripada menyelamatkan nyawa, menderma darah juga mempunyai kelebihan seperti mengurangkan risiko sakit jantung, mengurangkan risiko penyakit kanser, mengurangkan kalori dalam badan serta mengekalkan kecergasan badan dan secara tidak langsung akan menjadikan penderma lebih produktif dalam kerja.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, majoriti kakitangan majlis mempunyai darah jenis o+ (273 orang), diikuti darah jenis b+ (135 orang), a+ (104 orang) dan paling sedikit ialah darah jenis ab+ (51 orang). Selain itu, ada juga di kalangan kakitangan kita yang mempunyai jenis darah yang jarang dijumpai iaitu o- (18 orang), a- (9 orang), b- (5 orang) dan ab- (3 orang).

Melalui penganjuran kempen derma darah secara berterusan dan konsisten seperti ini, majlis berharap budaya menderma darah ini boleh meningkatkan tahap kesedaran semua pihak mengenai kepentingan dan kebaikan amalan menderma darah.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (18)

Tarikh: 20 Mac 2023

MAJLIS PENYAMPAIAN BUAH KURMA DAN PROGRAM TAUTAN KASIH

Sempena bulan Ramadhan yang bakal tiba, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengadakan majlis penyampaian buah kurma dan program tautan kasih warga sempena ramadhan petaling jaya 2023 bertempat di Dewan Banquet, Dewan Sivik MBPJ.

Program yang diperkenalkan sejak tahun 2007 ini merupakan antara bentuk penghargaan MBPJ kepada kakitangan Majlis yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi dalam menjayakan visi dan misi Majlis.

Menjelang bulan Ramadan ini juga, Majlis akan terus kekal komited untuk menjalankan tugas-tugas harian dengan baik. Majlis juga berharap semua kakitangan akan terus bekerja dengan penuh disiplin, amanah dan bertanggungjawab terhadap tugas yang telah diberikan.

Di majlis yang sama, turut diadakan penyampaian sumbangan berbentuk wang tunai sebanyak RM250.00 kepada 60 warga emas dan OKU sempena Ramadhan nanti. Sumbangan itu merupakan antara salah satu tanggungjawab sosial Majlis kepada golongan B40 yang berpendapatan RM 2,000.00 ke bawah yang terdiri daripada golongan warga emas dan OKU.

Selain menyediakan perkhidmatan dan tanggungjawab dan sumbangan khidmat sosial MBPJ kepada golongan B40 yang terdiri daripada golongan warga emas dan OKU. Pemberian ini juga bertujuan untuk meringankan beban atau tanggungan penerima selain dapat membantu sebagai persediaan bagi menyambut bulan Ramadhan nanti.



Program seumpama ini juga amat bertetapan dengan agenda Bandaraya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan @ PJSSR2030 yang *Inclusive City* kepada semua golongan mengambilkira keperluan dan penglibatan semua peringkat masyarakat.

Majlis penyampaian sumbangan itu telah disempurnakan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Mohamad Azhan bin Md Amir.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليغ جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (19)

Tarikh: 21 Mac 2023

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM INISIATIF PENDAPATAN RAKYAT (IPR-INTAN) @PJ CITY FOOD VALLEY – PELAKSANAAN PROJEK AGRO BANDAR DI SKIM_SKIM PERUMAHAN KOS RENDAH PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya komited dan akan terus membantu golongan berpendapatan rendah di Petaling Jaya agar golongan ini tidak berasa ditinggalkan oleh mana-mana pihak. Berdasarkan ini, Majlis telah mengambil inisiatif segera merangsang semula ekonomi rakyat yang terkesan dengan COVID-19 khususnya golongan miskin bandar dan B40 melalui program *PJ City Food Valley* dengan pelaksanaan projek agro bandar di skim-skim perumahan kos rendah.

Program *PJ City Food Valley* ini tercetus ketika negara dan seantero dunia diuji pandemik COVID-19. Kawasan pentadbiran Petaling Jaya tidak terkecuali terkesan oleh pandemik ini dan kawasan seperti Desa Mentari dan *PJ Old Town* telah dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) apabila kes positif COVID-19 melepasi zon bahaya.

Mengenang kembali detik-detik ketika itu, gerakan bantuan telah disegerakan dan diperluaskan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain bagi memastikan penduduk yang terlibat tidak terputus bekalan makanan dan barangan keperluan asas. Maka, dengan pengalaman yang berharga inilah, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengorak langkah dalam merangka satu program jangka masa panjang dan pendek seiring dengan dasar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Cadangan konsep dan operasi *PJ City Food Valley* ini termasuk permohonan lesen menduduki sementara (LMS) Tanah Rizab Elektrik juga telah diberi pertimbangan dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri telah



menyatakan sokongan penuh terhadap pelaksanaan program ini selain dijadikan projek perintis Pelan Perancangan Pemodenan Pertanian di bawah Dasar Pelan Transformasi Agro Selangor (PeTa) yang dipantau secara terus oleh YB Exco Infrastruktur dan Pertanian Negeri Selangor.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) telah diberi amanah selaku agensi pelaksana agar program ini berjaya dilaksanakan dan mencapai objektif-objektif yang telah digariskan. Selain itu, program ini juga turut dibantu oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui Inisiatif Pendapatan Rakyat – Usahawan Tani atau dikenali sebagai IPR-INTAN. Bertemakan '**Food Security Ends Hunger**', beberapa objektif khusus telah digariskan iaitu :

- a) Menjalankan projek agro bandar yang moden, berasaskan kepada penggunaan teknologi tinggi dan mesra alam.
- b) Menerapkan konsep berdaya tahan (*resilient*) dan menambahbaik komponen jaminan keselamatan makanan (*food security*) khususnya makanan segar kepada golongan rentan semasa berlakunya krisis/ bencana melalui platform '*PJ City Food Bank*'.
- c) Menyediakan peluang pekerjaan, latihan dan tambahan pendapatan khususnya kepada isi rumah miskin bandar, B40 dan ibu tunggal yang tinggal di skim-skim perumahan kos rendah.
- d) Mengoptimalkan penggunaan tanah rizab kerajaan di sekitar skim perumahan kos rendah daripada tidak digunakan, terbiar dan diceroboh.
- e) Menyokong dan menambahbaik program kebun komuniti pada konsep dan skala yang lebih besar serta berimpak tinggi.
- f) Menjadikan projek agro bandar ini sebagai pusat pembelajaran (*learning centre*), kajian dan pembangunan (*research & development - R&D*) dan tarikan pelancongan (*tourist attraction*).

- g) Mengukuhkan kolaborasi dan jaringan kerjasama rakan strategik dengan pihak swasta dan pelbagai agensi kerajaan.

Program ini akan dilaksanakan secara berperingkat di empat (4) lokasi yang melibatkan kira-kira 60 ekar tanah Kerajaan Negeri yang berstatus rizab elektrik iaitu di skim perumahan kos rendah Pelangi Damansara (PJU 6), Sri Damansara (PJU 9), Sri Manja dan Desa Peransang (PJS 3). MBPJ akan memberikan sepenuh perhatian dan komitmen agar program ini dapat dilaksanakan mengikut jadual dan seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan.

Majlis perasmian program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR-INTAN) @ *PJ City Food Valley* ini telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan Yang Berhormat Tuan Rafizi Bin Ramli, Menteri Ekonomi, Kementerian Ekonomi Malaysia.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (20)

Tarikh: 23 Mac 2023

MBPJ LANCAR PROGRAM SAHUR @ PETALING JAYA, PJ ❤️ YOU

24 Mac 2023 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melancarkan Program Sahur @ Petaling Jaya, PJ ❤️ You dengan Usahasama Hotel-hotel di Sekitar Petaling Jaya. Antara hotel yang terlibat di dalam program ini ialah Hotel AVANTE, Hotel Sheraton Petaling Jaya, Hotel Le Méridien Petaling Jaya, Hotel One World dan Hotel Armada Petaling Jaya. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Mohamad Azhan bin Md Amir, Datuk Bandar Petaling Jaya di Hotel AVANTE.

Objektif utama pelaksanaan Program Sahur @ Petaling Jaya, PJ ❤️ You ini adalah untuk memanfaatkan makanan-makanan daripada buffet ramadhan di hotel-hotel tersebut untuk dijadikan hidangan sahur kepada golongan yang lebih memerlukan iaitu keluarga miskin yang beragama islam dan juga rumah kebajikan yang terpilih.

Sebanyak 1,000 hidangan sahur akan disampaikan kepada keluarga miskin tegar, anak-anak yatim, ibu tunggal dan juga orang kurang upaya yang telah dikenal pasti di seluruh Petaling Jaya. Justeru, program ini akan dilaksanakan sebanyak 11 kali pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat dan akan berakhir pada 17 April 2023 (Isnin). Pada hari ini, PJ City Food Bank melalui MBPJ telah mengedarkan sebanyak 200 bekas hidangan sahur kepada Rumah Kebajikan Yayasan Anak-Anak Yatim Wardatul Jannah dan Pusat Jagaan Telaga Kasih Nur Muhammad serta golongan B40 di kawasan Kota Damansara.

Selain itu, MBPJ telah menubuhkan PJ City Food Bank pada tahun 2012 dengan hasrat dan tujuan untuk mengurangkan sisa makanan yang dihasilkan di restoran, hotel, kedai roti, supermarket dan lain-lain sumber untuk diberikan kepada golongan yang lebih memerlukan seperti rumah kebajikan dan keluarga miskin di seluruh Petaling Jaya. Sehingga kini, PJ City Food Bank masih lagi berfungsi dan mampu memberi manfaat kepada hampir 2000 keluarga miskin dan 21 rumah kebajikan di seluruh Petaling Jaya melalui sumbangan makanan dan keperluan barangan asas.



Sehubungan itu, pihak Majlis akan menggerakkan PJ City Food Bank secara konsisten dengan kerjasama daripada raka-rakan strategik demi kesejahteraan seluruh penduduk petaling jaya sejajar dengan seruan agenda pembangunan mampan yang menyebut “leave no one behind”.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (16)

Tarikh: 19 Mac 2023

PERTANDINGAN PJ JORAN 2023

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan menganjurkan pertandingan memancing 'PJ Joran' pada 19 Mac 2023 (ahad) bertempat di Tasik Bandaran Kelana Jaya, Petaling Jaya.

Pertandingan ini merupakan salah satu usaha MBPJ bagi mempromosikan Tasik Bandaran Kelana Jaya sebagai destinasi riadah bersama keluarga selain meningkatkan sumber pelancongan dan ekonomi setempat. Disamping itu pertandingan ini juga bertujuan untuk memperkenalkan taman tasik rekreasi yang boleh dimanfaatkan warga Petaling Jaya dengan aktiviti sihat.

Pertandingan itu juga menjadi platform buat masyarakat sekitar Petaling Jaya dan khususnya kaki pancing dapat berkumpul dan pihak majlis mensasarkan jumlah penyertaan yang lebih banyak berbanding tahun sebelum ini.

Juara pertandingan akan membawa pulang RM6,000, naib juara (RM2,000), tempat ketiga (RM1,000), ke empat hingga lima (RM400.00), manakala tempat ke enam hingga 10 masing-masing menerima RM200.00, tempat ke-11 hingga ke-20 (RM150.00), ke-21 hingga ke-30 (RM1,000) dan ke-31 hingga ke-100 akan menerima wang tunai berjumlah RM50.00.

Para pemancing juga berpeluang memenangi hadiah khas untuk kategori Ikan keli iaitu juara akan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah Rm300.00, tempat ke-2 RM200.00, tempat ke-3 Rm100.00 dan tempat ke-4 dan ke-5 masing-masing akan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah Rm50.00.

Program ini juga telah mendapat sambutan yang menggalakan dan jumlah peserta semakin meningkat setiap tahun. Dijangka seramai 700 kaki pancing bakal memenuhi tasik berkenaan bagi merebut hadiah keseluruhan melebihi RM 11,000.

Yuran penyertaan yang dikenakan adalah sebanyak RM50 untuk sebatang joran dan pendaftaran boleh dibuat bermula pada 18 Mac 2023 (sabtu) pukul 3.00 petang hingga 10.00 malam di khemah memancing MBPJ Tasik Bandaran Kelana Jaya.

Sebanyak 500 baju t-shirt akan diedarkan secara percuma kepada peserta yang terawal selain para peserta berpeluang untuk memenangi hadiah cabutan bertuah yang telah disediakan.

Untuk sebarang maklumat atau pertanyaan boleh hubungi urusetia PJ Joran di talian 013-266 7011 / 012-284 6811 / 012-355 4946 atau Bahagian Kebudayaan Kesenian, Sosial & Pelancongan 03-7781 0178.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (21)

Tarikh: 24 Mac 2023

MBPJ DALAM TINDAKAN SIASATAN INSIDEN SEMASA OPERASI

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengambil maklum penuluran video di media sosial berkenaan insiden kakitangan Majlis dengan orang awam semasa operasi tangkapan anjing dijalankan.

Berhubung Insiden tersebut, satu Jawatankuasa Siasatan Dalaman ditubuhkan dan kes ini sekarang sedang dalam siasatan. MBPJ ingin menegaskan bahawa tidak akan berkompromi serta melindungi mana-mana kakitangan seandainya benar dan terbukti telah melakukan kesalahan.

Orang ramai boleh menyalurkan aduan di saluran rasmi Majlis di saluran website www.mbpj.gov.my, e-mel di aduan@mbpj.gov.my, menelefon di talian hotline aduan 03-7954 2020, saluran WhatsApp (011-12017914), Facebook-MBPJ Aduan dan aplikasi eAduan MBPJ.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695